

DOKTRIN DOSA WARISAN DI DALAM AGAMA KRISTIAN
DARI PERSPEKTIF ROMAN KATHOLIK: SUATU ANALISIS.

OLEH:
BAHARUDDIN BIN MALEK

Perpustakaan Universiti Malaya



A510575934

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

UNIVERSITI MALAYA
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM

DOKTRIN DOSA WARISAN DI DALAM AGAMA KRISTIAN
DARI PERSPEKTIF ROMAN KATHOLIK: SUATU ANALISIS.

OLEH:
BAHARUDDIN BIN MALEK

Disertasi ini diterima oleh Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Usuluddin Sesi 1999/2000

MOTTO

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا أَتَيْعُوا سَيِّلَنَا
وَلَنَحِيلَ خَطَايَاكُمْ وَمَا هُم بِحَمِيلٍ مِّنْ خَطَايَاهُمْ مِّنْ
شَيْءٍ إِنَّهُمْ لَكَذِبُونَ ۝ ۱۶ وَلَيَحْمِلُنَّ أَثْقَالَهُمْ وَأَثْقَالًا
مَّعَ أَثْقَالِهِمْ وَلَيُسْتَلِّنَ يَوْمَ الْقِيَمَةِ عَمَّا كَانُوا يَفْرُوتُونَ ۝ ۱۷

Al-Qur'an (*al-Ankabut* 29:12-13)

"... he will not die for his father's sin; he will surely live. But his father will die for his own sin, because he practised exertion, robbed his brother and did what was wrong among his people. Yet you ask, 'Why does the son not share the guilt of his father?' Since the son has done what is just and right and has been careful to keep all my decrees, he will surely live. The soul who sins is the one who will die. The son will not share the guilt of the father, nor will the father share the guilt of the son. The righteousness of the righteous man will be credited to him, and the wickedness of the wicked will be charged against him."

The Old Testament (*Ezeikel 18:17-20*)

"Then Jesus said: "As God liveth, I am not able to forgive sins, nor is any man, but God alone forgiveth. But as servant of God I can beseech him for the sins of others; and so I have besought him for this sick man, and I am sure that God hath heard my prayer. Wherefore, that ye may know the truth, I say to this sick man: "In the name of the God of our fathers, the God of Abraham and his sons, rise up healed!", and when Jesus had said this the sick man rose up healed, and glorified God."

Bible Barnaba (p.90,c.71)

DEDIKASI

Buat....

*Ibu dan ayah
Melaahir dan mengasuhku....
semoga tuhan mencucuri rahmat-Nya
ke atas roh ayahku yang telah kembali ke
rahmatullah pada tanggal 11hb. Oktober 1998.
(Al-Fatihah...). Buat Para pensyarah dan guru
Mendidik dan mengajarku. Adik
beradik Penyeri hidupku
Handai taulan dan
saudara mara
Perangsang
Kejayaanku.*

ABSTRAK

BAHARUDDIN BIN MALEK. Doktrin Dosa Warisan Di Dalam Agama Kristian Dari Perspektif Roman Katholik: Suatu Analisis.

Kajian ini bertujuan menjelaskan tentang konsep sebenar doktrin dosa warisan yang meyakini kesalahan pertama yang dilakukan Adam dan Eve di dalam Eden menjadi punca kepada turunnya dosa ke dunia dan semua manusia mewarisi dosa pertama tersebut yang menjadi tunjang akidah agama Kristian kini khususnya mazhab Roman Katholik.

Kesedaran untuk melihat sejauh mana relevan dan terbukti benarnya doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian sebagaimana yang diyakinnya dan apakah sebenarnya perspektif Kristian khususnya mazhab Roman Katholik tentang doktrin ini mendorong kajian dilakukan. Apatah lagi ia tidak pernah diajarkan oleh Jesus Christ dan ditambah pula pengasasannya menjadi realiti hanya lima kurun selepas "ketiadaan" Jesus Christ oleh St. Augustine. Hal yang sedemikian telah memangkinkan lagi penulis untuk mengupas tentang asas sebenar doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian dari perspektif Roman Katholik yang dipercayai merupakan hasil rangkuman beberapa bentuk fahaman, amalan dan kepercayaan agama Yahudi dan masyarakat penganut agama Pagan yang mengelilingi bumi Palestine.

Untuk itu, kajian ini telah mengupas tentang latar belakang dan sejarah perkembangan agama Kristian khususnya selepas ketiadaan Jesus Christ. St. Paul yang diakui sebagai pengasas ke-2 agama Kristian telah dianggap sebagai pencetus kepada wujudnya doktrin tersebut yang mempercayai semua manusia adalah berdosa kerana menanggung dosa warisan (dosa Adam dan Eve) yang memerlukan seorang penebus untuk menebusnya. Manusia yang dikatakan layak untuk menanggung tugas sedemikian ialah Jesus Christ kerana beliau dipercayai hanya satu-satunya manusia yang suci daripada dosa warisan kerana beliau adalah *son of God*. St. Paul juga dikatakan sebagai orang yang bertanggungjawab merubah kedudukan agama Kristian daripada agama yang khusus untuk bangsa Yahudi sahaja menjadi agama anutan untuk semua bangsa ataupun universal.

Sebagai suatu pembuktian, kajian ini mengupas tentang asal usul doktrin dosa warisan yang dikatakan bukan berasal daripada agama Kristian. Polemik tentang kemungkinan manusia menanggung dosa warisan berterusan menjadi perbahasan hangat di kalangan penganut agama Kristian. Tidak kurang pula yang menolaknya sama ada secara sebahagiannya mahupun secara total.

Justeru, untuk melihat kedudukan doktrin ini dengan jelas kajian yang dilakukan cuba membuktikan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan masyarakat agama Pagan yang melingkari bumi Palestine dan

juga kepercayaan-kepercayan dan amalan-amalan agama Yahudi yang merupakan agama yang paling rapat sekali hubungannya dengan agama Kristian.

Pembuktian yang lebih jelas dapat diperolehi apabila terdapat keterangan-keterangan di dalam Bible yang menunjukkan doktrin dosa warisan bukanlah ajaran sebenar yang berasal daripada Jesus Christ. Namun demikian penyelesaian bersama yang tegas tentang kedudukan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik telah diambil melalui beberapa persidangan gereja yang jelas mengiktiraf doktrin tersebut sebagai salah satu tunjang akidah agama Kristian. Walaupun tindakan penyelesaian telah di ambil, pelbagai polemik masih timbul kerana doktrin tersebut amat subjektif bentuknya yang telah membuka ruang perbahasan yang begitu luas. Ini diakibatkan tiadanya asas yang kuat di dalam pembentukan doktrin dosa warisan, di samping bentuk sebenar doktrin itu juga yang masih kabur dari segi konsep dan falsafahnya. Apatah lagi bible Barnaba juga menolak kewujudan doktrin tersebut. Di tambah pula dengan pegangan agama Islam yang dengan jelas menolak keyakinan bahawa seseorang itu boleh menanggung dosa yang tidak dilakukannya.

Sebagai kesimpulannya, doktrin dosa warisan merupakan keyakinan akidah agama Kristian khususnya Roman Katholik yang cuba meletakkan hubungan kasih sayang yang berterusan di antara Pencipta dengan makhluk-Nya dan perolehan anugerah rahmat Tuhan yang telah hilang akibat perbuatan

dosa Adam dan Eve melalui pengorbanan satu-satunya anak Tuhan ataupun *son of God* (Jesus Christ) di palang salib demi untuk menebus dosa warisan manusia walaupun kedudukan doktrin tersebut sebagai tunjang akidah masih kabur.

PENGHARGAAN

Al-Hamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t Tuhan Sekalian Alam kerana dengan rahmat, inayah dan petunjuk-Nya penulis dapat menyudahkan kajian ini. Selawat dan salam tidak dilupakan kepada junjungan besar nabi Muhammad s.ºa.w kerana perutusannya ke dunia ini merupakan rahmat untuk sekalian alam.

Sekalung al-Fatihah dihadiahkan kepada para ulama, sarjana dan penulis Islam yang telah pulang ke rahmatullah yang telah banyak menyumbangkan tenaga mereka untuk keagungan agama Islam. Tanpa usaha mereka maka agak sukar penulis untuk menyiapkan kajian ini. Semoga Allah memberikan rahmat dan keberkatan-Nya kepada mereka dan mudah-mudahan mereka tergolong di dalam golongan orang-orang soleh. Begitu juga ucapan terima kasih penulis diucapkan kepada semua penulis buku yang telah penulis gunakan sebagai bahan rujukan untuk menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat abah (arwah) dan emak yang telah melahirkan penulis ke dunia ini dan membesarluarkan penulis dengan sesempurna mungkin sehingga penulis berjaya menjakkan kaki ke menara gading. Nampaknya kejayaan penulis pada kali ini tidak dapat dikongsi bersama oleh abah yang telah pergi menemui Ilahi pada tanggal 11hb. Oktober 1998 yang lalu. Tidak dilupakan juga kepada Kak Lang dan Kak Cik yang banyak memberikan bantuan kewangan kepada penulis sepanjang tempoh

penulis melakukan kajian ini. Semoga jasa dan bakti yang dicurahkan tanpa hentinya ini mendapat balasan yang setimpal daripada Allah s.w.t sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada penyelia penulis yang dihormati dan disayangi Puan Khadijah binti Mohd. Khambali @ Hambali. Jasa baik dan kemesraan puan memang tidak akan penulis lupakan. Segala bantuan, tunjuk ajar, nasihat, teguran dan bimbingan yang diberikan menjadi panduan yang amat berguna kepada penulis.

Tidak dilupakan kepada guru-guru yang pernah mengajar penulis dari sekolah rendah hingga ke peringkat menengah; terutamanya Ustaz Abdul Ghani bin Sentol, Ustaz Abdul Rahman, Ustaz Saiful Bahri dan Ustazah Saerah binti Penachok. Begitu juga kepada semua pensyarah dan tutor semasa penulis berada di ijazah pertama yang mengajar, mendidik dan banyak membantu kejayaan penulis. Segala budi dan ilmu yang kalian curahkan akan dikenang hingga ke akhirat dan diucapkan berbanyak terima kasih.

Di kesempatan ini juga, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih buat semua kakitangan Akademi Pengajian Islam terutamanya kak Hafizan dan Kak Noriah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Negara

Malaysia, Persatuan Cina-Muslim Darul Fitrah (PDF) Malaysia, Kedutaan Arab Saudi dan individu-individu tertentu yang telah memberikan bantuan kepada penulis di dalam mendapatkan bahan-bahan penulisan.

Kepada sahabat baik penulis Zahari, Syed, E-jai, Mahadi, Hasmayuddin, Aziez, Faizal, Osman, dan Syida yang memahami keadaan penulis dan banyak memberikan semangat serta dorongan untuk penulis meneruskan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan serumah dan bekas rakan-rakan serumah iaitu Awie, Pak Yie Bual, Mat Din, Cik Mat, Mr. Big, Yusree, Saleem, Kemer, Beri JPJ, Shahrul Sham, Zaidi TZM, Saudy, Zainal, Jebi, Seli, Gy Rothman, Juli, Hasmadi, Fauzi Lebai, Malek, Maliki, Halim, Fauzi Loh, Jahar Bulu, Ultraman, Wak Jali Jimat, Pak Din Cina dan yang lain-lain yang mungkin penulis tidak ingat yang sentiasa menceriakan suasana dengan gurau senda dan gelak ketawa.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam membantu penulis menyiapkan kajian ini. Semoga semuanya bersama-sama berada di bawah petunjuk Allah dan berada di dalam inayah-Nya.

Kuala Lumpur
17 Okt. 1999M
7 Rejab 1420H

BAHARUDDIN BIN MALEK
22. Kg. Sarin,
71600 Kuala Klawang,
Jelebu, Negeri Sembilan.

No. 5, Lorong 19/21A,
46300 Petaling Jaya,
Selangor.

DAFTAR ISI

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|-------------------------|---------|
| HALAMAN TAJUK | |
| HALAMAN PENGESAHAN | |
| MOTO | |
| DEDIKASI | |
| ABSTRAK..... | i |
| PENGHARGAAN..... | v |
| DAFTAR ISI..... | viii |
| TRANLITERASI..... | xiii |
| SENARAI KEPENDEKAN..... | xv |

BAB PENDAHULUAN

| | |
|---|---|
| A. PENDAHULUAN..... | 1 |
| B. HIPOTESIS KAJIAN..... | 1 |
| C. OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN..... | 2 |
| D. SKOP KAJIAN..... | 3 |
| E. MASALAH KAJIAN..... | 3 |
| F. METODOLOGI PENYELIDIKAN..... | 4 |
| G. KAJIAN-KAJIAN LEPAS..... | 8 |

BAB 1: SEJARAH DAN PERKEMBANGAN AGAMA KRISTIAN KINI

| | |
|---|----|
| A. PENDAHULUAN..... | 19 |
| 1. Agama Kristian | 19 |
| B. SEJARAH DAN PERKEMBANGAN AGAMA KRISTIAN KINI..... | 23 |
| 1. Kristian Semasa St. Paul hingga Sebelum Era Kaisar Constantine..... | 23 |
| 2. Kristian Semasa dan Selepas Era Kaisar Constantine..... | 28 |

| | |
|--|-----|
| a. Persidangan Nicea (325M)..... | 30 |
| b. Persidangan-persidangan Lain..... | 37 |
| c. Persidangan Orange (529M) dan Persidangan Trent (1545M-1563M)..... | 39 |
| d. Kemunculan Mazhab-mazhab Utama Kristian..... | 42 |
| i. Orthodoks | 43 |
| ii.Roman Katholik dan Protestant..... | 47 |
| 3. Kristian di Abad ke-20M..... | 55 |
| C. ST. PAUL..... | 60 |
| 1. Riwayat Hidup..... | 60 |
| 2. Keperibadian..... | 66 |
| 3. Pendidikan St. Paul..... | 68 |
| 4. St. Paul Memeluk Agama Kristian..... | 70 |
| 5. Kegiatan / Aktiviti Penyebaran Ajaran..... | 74 |
| 6. Ajaran-ajaran St. Paul..... | 81 |
| D. SUMBER-SUMBER AGAMA KRISTIAN KINI..... | 85 |
| 1. <i>The Old Testament</i> | 88 |
| 2. <i>The New Testament</i> | 92 |
| E. BIBLE BARNABA..... | 98 |
| F. KESIMPULAN..... | 103 |

BAB 2: ASAL-USUL DOSA WARISAN

| | |
|--|-----|
| A. PENDAHULUAN..... | 106 |
| B. ASAS PEMBENTUKAN DOKTRIN DOSA WARISAN DI DALAM AGAMA KRISTIAN..... | 107 |
| 1. Adam dan Eve..... | 110 |

| | |
|--|-----|
| C. BEBERAPA BENTUK KEPERCAYAAN DAN AMALAN DI DALAM MASYARAKAT AGAMA KUNO..... | 119 |
| 1. Agama Pagan..... | 124 |
| a. Mesir Purba..... | 127 |
| i. Osiris..... | 136 |
| b. Mesopotamia..... | 144 |
| i. Attis..... | 149 |
| c. Graeco Roman..... | 151 |
| i. Dionysus..... | 157 |
| 2. Agama Yahudi..... | 160 |
| D. KESIMPULAN..... | 172 |

BAB 3: KONSEP DOSA WARISAN

| | |
|--|-----|
| A. PENDAHULUAN..... | 179 |
| B. KONSEP DOSA WARISAN..... | 180 |
| 1. Pengertian Dosa dan Dosa Warisan..... | 180 |
| 2. Konsep Dosa dan Dosa Warisan..... | 188 |
| 3. Pandangan Mazhab-mazhab Utama dan Tokoh-tokoh Agama Kristian Terhadap Dosa dan Dosa Warisan..... | 202 |
| a. Orthodoks..... | 202 |
| b. Roman Katholik..... | 205 |
| c. Protestant..... | 208 |
| d. St. Augustine..... | 211 |
| e. Martin Luther..... | 216 |
| f. Pelagius..... | 219 |
| C. RITUAL-RITUAL PENGHAPUSAN DOSA..... | 224 |
| 1. <i>Baptism</i> | 225 |
| 2. <i>Last Supper, Lord's Supper</i> atau <i>Eucharist</i> | 242 |
| 3. <i>Confession</i> | 254 |
| 4. <i>Extreme Unction</i> atau <i>Holy Unction</i> | 264 |

| | |
|---|-----|
| D. KAITAN DOKTRIN DOSA WARISAN DENGAN DOKTRIN PENEBUSAN DOSA ATAU <i>ATONEMENT</i> | 270 |
| E. KESIMPULAN..... | 278 |

BAB 4: DOSA WARISAN: SUATU ANALISIS

| | |
|--|-----|
| A. PENDAHULUAN..... | 283 |
| B. DOSA WARISAN BERDASARKAN SUMBER LITERATUR DAN SKRIPTUR: SUATU ANALISIS..... | 285 |
| 1. Bukti-bukti Dosa Warisan Berdasarkan <i>The Old Testament</i> | 285 |
| 2. Bukti-bukti Dosa Warisan Berdasarkan <i>The New Testament</i> | 295 |
| 3. Dosa Warisan: Analisis Berdasarkan <i>The Old Testament</i> dan <i>The New Testament</i> | 306 |
| C. DOSA WARISAN: ANALISIS BERDASARKAN BIBLE BARNABA..... | 323 |
| D. DOSA WARISAN: ANALISIS BERDASARKAN MAZHAB-MAZHAB UTAMA KRISTIAN..... | 337 |
| 1. Analisis Berdasarkan Mazhab Orthodoks..... | 337 |
| 2. Analisis Berdasarkan Mazhab Protestant..... | 340 |
| 3. Analisis Berdasarkan Mazhab Roman Katholik..... | 343 |
| E. DOSA WARISAN: ANALISIS BERDASARKAN AGAMA ISLAM..... | 349 |
| F. KESIMPULAN..... | 373 |

BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN

| | |
|--------------------|-----|
| A. KESIMPULAN..... | 375 |
|--------------------|-----|

| | |
|-----------------|-----|
| B. SARANAN..... | 382 |
| C. PENUTUP..... | 388 |

BIBLIOGRAFI

TRANSLITERASI

Transliterasi perkataan-perkataan Arab yang digunakan dalam disertasi ini mengikut sistem transliterasi yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 1992 iaitu seperti berikut:

| Arab | Latin | Arab | Latin |
|------|-------|------|--------------------------------------|
| ا | a | ع | u |
| ب | b | غ | gh |
| ت | t | ف | f |
| ث | th | ق | k(q) |
| ج | j | ص | k |
| ح | h | ل | l |
| خ | kh | م | m |
| د | d | ن | n |
| ذ | dh | و | w,o,u |
| ر | r | ه | h |
| ز | z | ء | ' |
| س | s | ي | i,y |
| ش | sy | ö | h (ketika dimatikan bunyinya) |
| ص | š | ö | t (ketika perlu dihidupkan bunyinya) |
| ض | đ | | |
| ظ | t̄ | | |
| ڙ | z̄ | | |

Vokal Pendek

_____ : a _____ : u _____ : i

Vokal Panjang

(^o ی) _____ : ai/ay (^o ɔ) _____ : aw

(^ω ɔ) _____ : uw (^ω ی) _____ : iy/iyy

SENARAI KEPENDEKAN

| | |
|--------|---|
| ABIM | Angkatan Belia Islam Malaysia |
| °a.s | °alaihissalam |
| Bhg. | Bahagian |
| hb. | haribulan |
| c. | <i>chapter</i> |
| cet. | cetakan |
| Co. | <i>Company</i> |
| Dr. | Doktor |
| Drs. | Doktor Randus |
| et.al | Pengarang melebihi tiga orang |
| H | Hijrah |
| hal. | halaman |
| html. | <i>hypertext markup language</i> |
| http | <i>hypertext transfer protocol</i> |
| Hj. | Haji |
| Ibid., | Dari bahasa Latin <i>Ibidem</i> : Pengarang, tajuk buku dan halaman sama dengan rujukan sebelumnya. |
| Inc. | <i>Incorporated</i> |
| Infra | Akan diperincangkan atau akan diperbahaskan |

**Bab
Pendahuluan**

A. PENDAHULUAN

Kajian ini adalah berkaitan dengan pegangan pengikut agama Kristian khususnya Roman Katholik tentang doktrin dosa warisan yang begitu banyak terdapat di dalam Bible dan juga kitab-kitab agama yang dikarang oleh para teologi dan sarjana Kristian. Doktrin dosa warisan ini juga banyak disentuh oleh para penulis Islam terutamanya penulisan yang berkaitan dengan perbandingan agama. Pengkajian yang mengandungi lima bahagian utama ini meliputi: (1) huraian tentang sejarah dan perkembangan agama Kristian kini beserta sumber-sumber agama Kristian, (2) asal-usul dosa warisan yang dipercayai merupakan hasil rangkuman adaptasi kepercayaan dan amalan agama-agama kuno, (3) konsep dosa warisan di dalam agama Kristian terutamanya dari perspektif mazhab Roman Katholik, (4) analisis tentang doktrin dosa warisan dan sejauh mana pertentangan dan persamaan menurut mazhab-mazhab utama Kristian dan (5) kesimpulan yang dapat dinyatakan berdasarkan pengkajian-pengkajian yang dilakukan di dalam bab-bab yang terdahulu. Kajian ini turut mengemukakan pandangan Islam tentang dosa warisan sebagai suatu justifikasi.

B. HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini adalah untuk membuktikan kewujudan doktrin dosa warisan dan keabsahan doktrin tersebut yang merupakan pokok utama di dalam agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik. Ini kerana terdapat aliran-aliran serta fakta sejarah yang tertentu di dalam Kristian menolaknya dengan

pelbagai alasan. Selain daripada itu, kajian ini cuba membuktikan bahawa doktrin dosa warisan agama Kristian mempunyai unsur-unsur ajaran agama Pagan dan agama Yahudi; walaupun ia diyakini sebagai ajaran asal Jesus Christ oleh para pengikutnya khususnya Roman Katholik. Justeru melalui kajian dan penelitian yang tuntas sahaja dapat merungkai masalah yang timbul.

C. OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dan tujuan, antaranya:

1. Untuk mengkaji dan memahami tentang sejarah dan perkembangan agama Kristian kini khususnya Roman Katholik yang mendominasi cara hidup masyarakat Kristian di seluruh dunia. Perkara utama yang akan dilihat ialah dosa warisan sebagai salah satu perkara pokok di dalam agama Kristian. Ini kerana seluruh umat Kristian wajib mengimannya tanpa sebarang keraguan.
2. Untuk mengetahui dan melihat tentang konsep dosa warisan dalam agama Kristian kini khususnya dari perspektif mazhab Roman Katholik.
3. Untuk membuktikan bahawa doktrin dosa warisan agama Kristian dipengaruhi oleh elemen-elemen dan bentuk-bentuk kepercayaan dan amalan agama-agama Pagan, agama Yahudi dan unsur-unsur lain yang berkaitan dengan kepercayaan beragama masyarakat purba.
4. Untuk menambah literatur dalam bidang perbandingan agama dalam versi Bahasa Malaysia.

D. SKOP KAJIAN

Untuk memudahkan lagi pengkajian mengenai dosa warisan ini, penulis akan cuba membataskan skop kajian kepada beberapa perkara yang menjadi bahan penulisan.

Kajian ini hanya akan tertumpu kepada dosa warisan dan perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengannya khususnya tentang asal-usul dosa warisan termasuklah perbuatan Adam dan Eve sebagai orang yang pertama melakukan dosa, perutusan Jesus Christ sebagai penebus dosa warisan, kaitan St. Paul dan St. Augustine dengan agama Kristian dan dosa warisan. Praktikal-praktikal, amalan-amalan dan unsur-unsur ajaran agama Pagan dan agama Yahudi dikaji kerana diyakini sebagai faktor penyumbang kepada pembentukan asas dosa warisan agama Kristian. Upacara pembaptisan sebagai suatu proses menyucikan diri daripada dosa warisan di samping upacara-upacara lain seperti *Last Supper*, *confession* dan *extreme unction* turut dibincangkan. Pandangan mazhab-mazhab utama agama Kristian dan tokoh-tokoh teologi Kristian terhadap doktrin dosa warisan turut dilihat sebagai perbandingan. Akhir sekali pandangan Islam terhadap dosa warisan diletakkan sebagai justifikasi.

E. MASALAH KAJIAN

Di dalam penulisan kajian ini, masalah utama yang penulis cuba kaji ialah berkenaan dosa warisan di dalam agama Kristian khususnya Roman Katholik

yang dikatakan berpunca daripada kesalahan pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve semasa mereka di dalam Eden. Kesan daripada kesalahan tersebut telah menyebabkan kesemua keturunannya mewarisi dosa yang telah dilakukan oleh mereka berdua. Dosa tersebut pula hanya boleh diampunkan setelah satu-satunya *son of God* dikorbankan di palang salib. Memandangkan betapa pentingnya peristiwa tersebut, dosa warisan telah dijadikan sebagai salah satu doktrin utama di dalam agama Kristian khususnya Roman Katholik.

Namun demikian perbahasan mengenai dosa warisan tidak terhenti di kalangan penganut Kristian sahaja. Ianya juga dibahaskan di kalangan para sarjana dan akademik. Polemik yang timbul diakibatkan ianya bukanlah secara aslinya wujud di dalam agama Kristian. Malahan dikatakan juga ianya telah diambil daripada agama-agama kuno (Pagan) dan agama Yahudi yang wujud sebelum kedatangan Jesus Christ. Justeru, penulis mencuba untuk melihat, apakah benar doktrin dosa warisan merupakan doktrin asli di dalam agama Kristian ataupun merupakan suatu adaptasi untuk kepentingan individu tertentu.

F. METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam melakukan sesuatu kajian ilmiah ataupun penyelidikan, metod merupakan perkara yang amat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang sedang diteliti. Dengan kata lain metod merupakan suatu prosedur atau cara mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah yang

sistematis. Sesuatu penyelidikan ilmiah akan dikira bermutu sekiranya metod yang digunakan tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya.

Di dalam pengkajian tajuk ini, penulis telah menggunakan metod-metod berikut:

- 1) Metod Pengumpulan Data
- 2) Metod Analisa Data dan Penulisan

1. Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Penulis menggunakan beberapa metod kajian untuk memperolehi maklumat yang tepat bagi penulisan kertas projek ini. Kajian ini lebih tertumpu kepada pendekatan kajian secara perpustakaan ataupun *Library Research*.

a. Kajian Perpustakaan atau *Library Research*.

Di dalam proses menyiapkan kajian ini, penulis mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan data, maklumat serta lain-lain dokumen seperti majalah, jurnal, kertas kerja dan lain-lain yang bersangkutan dengan tajuk ini. Antaranya:

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- b. Perpustakaan Awam, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- c. Perpustakaan Negara, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Dalam kajian perpustakaan ini, penulis telah menggunakan metod historis dan dokumentasi. Metod historis digunakan bagi mendapatkan data-data yang bersifat sejarah, termasuk dokumen-dokumen yang mempunyai kaitan dengan kajian ini seperti untuk mendapatkan data-data dan maklumat berkaitan mengenai dosa warisan, Adam dan Hawa ataupun Eve, nabi Isa ^{a.s} ataupun Jesus Christ, St. Paul dan beberapa perkara yang berkaitan dengan dosa warisan.

Manakala melalui metod dokumentasi pula, penulis cuba mengumpulkan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti. Antaranya ialah gambar, potret, keputusan pengadilan, kumpulan hukum, peraturan, otobiografi, surat-surat peribadi, buku catatan harian, memoir, surat khabar, dokumen-dokumen pemerintah, cerita Roman dan cerita rakyat.

Ia bertujuan memberi definisi terhadap fakta-fakta yang diperlukan di samping memberi gambaran terhadap latar belakang dosa warisan dan kaitannya dengan agama Kristian.

Kebanyakan dokumen yang digunakan oleh penulis diperolehi dari sumber pertama, manakala sebahagian yang lain merupakan sumber kedua. Antara dokumen yang digunakan ialah:

1. al-Qur'an al-Karim

2. Hadis Rasulullah
3. Kitab Bible iaitu *Old Testament* dan *New Testament*
4. Buku-buku dan bahan bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian.

2. Metod Analisa Data

Setelah segala data yang diperlukan terkumpul melalui metod-metod yang dinyatakan, penulis mula mengolah dan menganalisis data-data yang diperolehi untuk menyiapkan kajian ini. Oleh itu penulis berpandukan kepada metod-metod berikut:

a. Metod Induktif

Ia merupakan suatu cara bagi menganalisa data-data melalui pola berfikir dalam mencari bukti keterangan dari perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil umum. Metod ini banyak digunakan di dalam bab 2 dan bab 3 kelak. Contohnya di dalam mendapatkan pandangan secara umum tentang latar belakang doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian, kajian ini telah mengkaji beberapa bentuk amalan dan kepercayaan masyarakat penganut agama Pagan dan agama Yahudi.

b. Metod Deduktif

Iaitu cara menganalisa data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola berfikir dan mencari bukti melalui sumber dalil dan mencari bukti yang

umum bagi mendapatkan perkara yang khusus. Metod ini banyak digunakan di dalam bab 3 dan bab 4. Contohnya di dalam usaha memberikan kesimpulan tentang makna dan konsep doktrin dosa dan dosa warisan di dalam agama Kristian, beberapa pandangan sarjana dan ahli teologi Kristian diambil di dalam memberikan suatu pengertian yang khusus tentang doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian.

c. Metod Komparatif

Metod ini digunakan bertujuan membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap beberapa data yang didapati semasa penelitian dijalankan. Data dan fakta itu akan dikumpulkan dan dibuat perbandingan secara saksama. Metod komparatif juga banyak digunakan di bab 2, bab 3 dan bab 4. Contohnya melalui perbandingan di antara pandangan Kristian dan Islam tentang doktrin dosa warisan yang jelas tidak ada langsung titik pertemuannya kerana Islam tidak mengajarkan doktrin tersebut malahan menolaknya secara total sebagai suatu keyakinan akidah.

G. KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Secara khususnya perkara utama yang dikaji di dalam penulisan tesis ini berkaitan dosa warisan yang merupakan salah satu perkara pokok di dalam akidah agama Kristian. Oleh itu perbincangan yang dilakukan lebih tertumpu kepada sejarah dosa warisan dan pendapat mazhab-mazhab utama Kristian tentangnya.

Pandangan Islam turut diambil sebagai suatu landasan dan justifikasi terhadap dosa warisan.

Setakat kajian yang telah dilakukan, penulis mendapati telah wujud beberapa bentuk penulisan-penulisan dan kajian-kajian terdahulu yang membincangkan doktrin dosa warisan. Namun kajiannya agak terbatas berbanding dengan kajian-kajian yang berkaitan dengan sejarah, latar belakang agama-agama langit iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Ini termasuk kajian tentang doktrin triniti agama Kristian yang telah banyak diperbahaskan.

Buku-buku dan kajian yang berkaitan dengan sejarah dan latar belakang agama Kristian ini banyak didapati di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Perpustakaan Awam Pusat Islam Malaysia. Antara buku terpenting yang banyak membantu penulisan tesis ini ialah *The Three Great Semitic Religions* karangan Caroline Large (1981), yang banyak menceritakan sejarah latar belakang dan perkembangan agama Kristian, praktikal-praktikal keagamaan berdasarkan beberapa mazhab utama agama Kristian seperti Orthodoks, Roman Katholik dan Protestant. *Religions of the World* karangan Lewis M. Hopfe (1983) pula mempunyai tema penulisan yang hampir sama dengan Caroline Large dari segi isi kandungan bukunya. Namun penulisan Hopfe banyak tertumpu kepada tokoh-tokoh utama agama Kristian seperti St. Paul, St. Augustine, Martin Luther, Ulrich

Zwingli dan ramai lagi. Manakala sebuah lagi buku di bawah tajuk yang sama karangan Ninian Smart (1994) juga memaparkan perkara yang hampir sama iaitu dari segi sejarah dan perkembangan agama Kristian dan praktikal-praktikal keagamaan yang wajib dilakukan. Di dalam buku *History of the Christian Church* karangan Philip Scheff (1995) juga banyak menceritakan tentang latar belakang dan sejarah perkembangan agama Kristian terutamanya di zaman pemerintahan Kerajaan Rom. Terdapat juga buku-buku yang ditulis di dalam bahasa Malaysia seperti *Agama-agama Besar di Dunia* karangan Joesoef Souyb (1983) yang juga memaparkan sejarah agama Kristian. Joesoef Souyb memberikan beberapa ulasan dan kritikan tentang beberapa doktrin dan ajaran St. Paul yang menyeleweng daripada ajaran sebenar Jesus Christ. *Sorotan kepada Agama Masehi* karangan Dr. Rouf Shalaby (1972) juga memaparkan perkara yang hampir sama dengan Joesoef Souyb Walaupun penulisannya tidak begitu mendalam seperti Joesoef, tetapi beliau banyak mengambil bukti-buktinya daripada al-Qur'an dan Bible Barnaba untuk mengukuhkan hujah-hujahnya.

Secara keseluruhannya buku-buku di atas membincangkan tentang sejarah dan latar belakang agama Kristian di peringkat awal penyebaran dan perkembangannya. Perkara-perkara yang diperbincangkan pula lebih berkisar tentang tujuan perutusan Jesus Christ ke dunia, peranan St. Paul sebagai penyebar agama Kristian dan doktrin-doktrin di dalam agama Kristian terutamanya doktrin yang berkaitan dengan penebusan dosa dan anak Tuhan dan tokoh-tokoh besar

tertentu di dalam agama Kristian seperti St. Paul, St. Augustine dan Martin Luther. Buku-buku tersebut turut memaparkan tentang doktrin dosa warisan dan *sacrament* agama Kristian secara umum tetapi tidak membincangkannya secara tuntas. Di dalam kajian ini buku-buku tersebut banyak membantu penulis terutamanya bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang dan sejarah agama Kristian.

Terdapat juga beberapa buah ensaiklopedia yang menjadi rujukan penulis seperti *Encyclopedia of Religion and Ethic* karangan James Hastings (1910), *The Encyclopedia Americana: International Edition* (1976). Ensaiklopedia-ensaiklopedia tersebut memuatkan pelbagai istilah yang berkaitan dengan budaya, agama dan sistem kepercayaan setiap ajaran agama dunia. Ini termasuklah istilah-istilah dalam kepercayaan agama Kristian dan khususnya Roman Katholik seperti *original sin*, *baptist* dan sebagainya. Ensaiklopedia-ensaiklopedia tersebut banyak membantu kajian ini memahami lebih lanjut pengertian setiap istilah ajaran agama Kristian.

Perkara yang berkaitan dengan doktrin-doktrin di dalam agama Kristian pula boleh diperolehi daripada buku-buku seperti *The Great Doctrines Of The Bible* karangan William Evans yang lebih berbentuk daftar ajaran-ajaran, doktrin-doktrin dan keyakinan-keyakinan di dalam agama Kristian seperti yang berkaitan dengan ketuhanan, malaikat, Jesus Christ, dosa dan lain-lain yang disertakan

dengan daftar-daftar keterangan daripada Bible tanpa adanya perbahasan dan ulasan. *Dirāsah fī al-Adyān al-Masiḥī fī Maṣādir al-‘Aqā’id al-Masihiyyah Khulāsah Abhāth ‘Ulamā’ al-Masihiyyah fī al-Gharb* karangan Ahmad Ḥabd al-Wahab (1978) pula banyak membahaskan doktrin-doktrin dan ajaran Kristian yang disertakan dengan ulasan dan kritikan berdasarkan agama Islam. *Believers in One God – Judaisam, Christianity, Islam* karangan Michael Keene (1993) pula lebih tertumpu kepada sejarah agama Kristian, pecahan-pecahan gereja, kepercayaan, praktikal keagamaan dan perayaan-perayaan yang dipersembahkan berdasarkan keyakinan dan ajaran gereja semata. Buku *Sacred Texts of the World A Universal Anthology* karangan Ninian Smart dan Richard P. Hecht (1982) juga memaparkan perkara yang sama. Walaupun demikian buku-buku di atas tidak begitu banyak membantu penulis di dalam mendapatkan maklumat yang lebih berkenaan dengan doktrin dosa warisan. Ini kerana kebanyakan daripada buku tersebut lebih banyak membincangkan doktrin mengenai *Trinity, Son of God, Crucifixion, Atonement* dan *Resurrection* berbanding dengan *Inherited Sin* ataupun *Original Sin*. Namun ia turut membantu kajian ini untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang doktrin-doktrin ajaran Kristian yang diasaskan oleh St. Paul.

Terdapat juga kajian-kajian ilmiah sama ada untuk ijazah pertama mahupun doktor falsafah. Contoh bagi ijazah pertama ialah kajian yang bertajuk *Konsep Pengampunan Dosa: Suatu Kajian Perbandingan Antara Islam dan*

Kristian oleh Zawiyah bt. Abdul Hamid (1994) dan *Jesus Christ Menurut Perspektif Kristian: Satu Tumpuan Kajian Terhadap Jesus Christ Sebagai Penyelamat* oleh Muhamad Miziazam bin Yahya (1996). Kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada persoalan pengampunan dosa melalui pemimpin gereja dan kedudukan Jesus Christ sebagai penyelamat manusia sejagat. Kajian Zawiyah turut menyentuh pengertian dosa menurut ajaran Kristian secara umum. Ianya membantu kajian ini memahami asas kepada pembentukan landasan teori dalam kajian. Selain daripada itu, penulisan Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1993), *Konsep Trinity Menurut Agama Kristian dan Pandangan Islam Terhadapnya* merupakan tesis sarjana Usuluddin lebih tertumpu kepada konsep kepercayaan kepada kesatuan Tuhan menurut agama Kristian dan keesaan Allah s.w.t menurut Islam. Penulisan ini merumuskan bahawa kedua-dua konsep keyakinan tersebut adalah jauh berbeza tetapi masih tetap sama dari aspek keyakinan Tuhan sebagai Pencipta. Di samping itu kajian oleh Che Haslina Abdullah (1993), *Proses Kejadian Manusia dan Matlamat Kehidupannya. Satu Kajian Perbandingan antara al-Quran dan Bible* iaitu tesis sarjana Usuluddin turut membahaskan pengertian dosa yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu *actual sins* dan *original sin*. Kategori-kategori dosa tersebut dibahaskan untuk memperlihatkan keadaan manusia yang berdosa dan manusia yang sentiasa mentaati Tuhan akan mencapai matlamat kebahagiaan dalam hidupnya. Kajian turut membahaskan keadaan manusia yang terus bergelumang dengan dosa akan suci apabila diampunkan oleh gereja. Ini berkait dengan proses kejadian dan

matlamat hidup manusia menurut Bible. Manakala penulisan tesis untuk doktor falsafah pula ialah *Paul's Use of The Old Testament* oleh Mary Lily Boney (1956) yang lebih tertumpu kepada kebijaksanaan Paul menggarap keterangan *Old Testament* untuk melahirkan keterangan dan bukti kukuh ke arah pembentukan doktrin-doktrin agama Kristian dan pandangan-pandangannya tentang ajaran-ajaran Kristian yang berlainan sekali daripada yang disentuh oleh para *apostle* Jesus Christ. Antaranya tentang dosa, iman, dan perjanjian Tuhan. St. Paul juga melihat peristiwa Adam di Eden sebagai asas kepada pembinaan doktrin dosa yang akhirnya membentuk doktrin dosa warisan.

Kajian-kajian tersebut di atas sedikit sebanyak turut membantu penulisan kajian ini. Ini kerana kebanyakan perkara yang diperbincangkan mempunyai kaitan yang rapat tentang *Inherited Sin* terutamanya doktrin yang berkaitan dengan *Atonement* dan *Son of God*.

Untuk mendapatkan perbandingan dan pandangan Islam tentang agama Kristian, terdapat banyak buku yang ditulis oleh para sarjana Islam. Antaranya ialah *A Comparative Study of Christianity and Islam* oleh Ulfat Aziz Us-Samad (1983) yang membincangkan tentang Jesus Christ dan beberapa keyakinan akidah terutamanya triniti dengan membuat perbandingan dengan agama Islam. *Jesus A Prophet of Islam* karangan Muhammad Ata ur-Rahim (1981) banyak membincangkan Jesus Christ dari perspektif Islam dan melakukan perbandingan

berdasarkan pandangan dan keyakinan Kristian tentang Jesus Christ. Penulisannya turut tertumpu kepada perbincangan mengenai akidah triniti agama Kristian. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada buku-buku di atas merupakan panduan asas untuk mendapatkan bahan dan idea bagi penulisan kajian ini khususnya dalam membina landasan teori. Perbincangan-perbincangan yang terdapat di dalam buku-buku tersebut di atas lebih berkisar tentang konsep ketuhanan di dalam agama Kristian dan Islam. Lazimnya perbandingan-perbandingan yang dilakukan ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan keesaan Tuhan di dalam agama Islam dan kepelbagaiannya Tuhan di dalam agama Kristian dan disertakan pula dalil-dalil daripada kitab al-Quran dan Bible di dalam menguatkan hujah-hujah yang diutarakan. Amat sedikit sekali perbincangan berkenaan dengan dosa warisan dilakukan oleh para sarjana Islam. Apa yang mereka perbincangkan biasanya hanyalah perkara yang berkaitan dengan tujuan perutusan Jesus Christ sebagai penebus dosa manusia dan perbandingannya dengan pendapat Islam berkenaan dengan perutusan nabi Isa °a.s iaitu sebagai rasul yang membawa manusia ke jalan Allah s.w.t.

Selain daripada buku-buku yang telah dinyatakan, terdapat sebuah buku lagi yang menjadi rujukan dan panduan utama penulis di dalam penulisan tesis ini iaitu *The Sources of Christianity* karangan Khwaja Kamaluddin (1925). Penulisan yang dilakukan oleh Khwaja Kamaluddin banyak membantu penulis untuk mendapatkan maklumat dan pemikiran tentang agama Kristian. Beliau

merupakan di antara penulis Islam di Barat yang banyak menulis tentang perkara-perkara baru berkenaan agama Kristian di zamannya yang masyarakat Kristian sendiri kurang mengetahuinya. Sebagai contohnya berkenaan beberapa perkara yang tidak disedari oleh penganut agama Kristian sebenarnya telah diambil daripada agama Pagan seperti *salvation, resurrection* dan *god sufferings for human*. Selain daripada itu, beliau juga turut membuat perbandingan antara Jesus Christ dengan tuhan-tuhan agama Pagan yang lain seperti Iris, Osiris, Mithra, Adonis, Krishna, dan Baal (sekadar memberikan beberapa contoh). Beliau juga menulis mengenai konsep agama Kristian yang diajarkan oleh Jesus Christ dan konsep agama Kristian yang diajarkan oleh St. Paul.

Dalam mengukuhkan dan mendapatkan maklumat yang lebih tentang keyakinan, kepercayaan, amalan dan praktikal-praktikal agama-agama Pagan, kajian ini banyak merujuk kepada beberapa buah buku seperti *Prolegomena to the Study of Greek Religion* karangan Jane Harrison (1960) yang banyak menceritakan tentang kepercayaan, praktikal dan amalan masyarakat penganut agama Pagan terutamanya agama orang-orang Greek yang melingkari bumi Palestine. Begitu juga dengan buku *The Golden Bough* karangan James George Frazer (1941) yang pengkajiannya lebih mendalam tentang Tuhan-tuhan di dalam masyarakat agama Pagan seperti Osiris, Attis dan Horus terutamanya dari segi sejarah hidup dan kepercayaan masyarakat tentang mereka. Buku *Religion in Ancient History* karangan S.G.F Brandon (1969) juga memaparkan perkara yang

sama terutamanya yang berkaitan dengan kepercayaan, keyakinan dan amalan masyarakat penganut agama Pagan yang melingkari bumi Palestine. Namun demikian kesemua buku di atas hanya memberikan maklumat kepada penulis tentang keyakinan, amalan, praktikal dan sejarah hidup Tuhan-tuhan masyarakat penganut agama Pagan tetapi tidak adanya perbandingan dengan kepercayaan, amalan dan praktikal penganut agama Kristian. Walau bagaimanapun ianya banyak membantu penulis di dalam menyelidik dan mengkaji tentang asal-usul doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian dengan melakukan analisis perbandingan terhadap unsur-unsur amalan, praktikal, keyakinan dan sejarah hidup Tuhan-tuhan agama Pagan.

Dalam usaha menghasilkan kajian ini, penulis banyak mengikuti metod penulisan Khwaja Kamaluddin iaitu penulisan lebih berbentuk sejarah dan analisis dengan meletakkan Islam sebagai justifikasi. Namun, penulis turut mlarikan diri daripada mengikut metod beliau sepenuhnya dengan meletakkan analisis daripada aspek pandangan agama Kristian yang dilihat daripada kepelbagaian aspek iaitu menurut Bible sebagai kitab suci agama Kristian, Bible Barnaba sebagai kitab suci yang ditolak oleh Kristian dan pandangan mazhab-mazhab utama agama Kristian. Islam diletakkan di akhir kajian sebagai justifikasi kepada keseluruhan kajian.

Secara keseluruhannya, walaupun penulisan terdahulu tidak benar-benar menepati topik kajian yang dilakukan ini, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa maklumat dan perbahasan penulisan terdahulu banyak membantu khususnya dalam membina landasan teori.